

02 AUG 1999

Mahkamah-Mahathir

PM BERTANGGUNGJAWAB MEMBUAT KENYATAAN KEPADA NEGARA, KATA PEGUAM

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, diberitahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri bertanggungjawab membuat kenyataan untuk menjelaskan kepada negara akan alasan di sebalik penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno.

Peguam Datuk Mohd Adnan Shuaib yang mewakili Dr Mahathir berkata demikian dalam meminta perintah daripada mahkamah untuk membatalkan saman fitnah RM100 juta yang dikemukakan terhadap beliau oleh Anwar.

Anwar, 51, dalam samannya terhadap Dr Mahathir, mendakwa Perdana Menteri telah memfitnah beliau dalam persidangan berita di Jabatan Perdana Menteri pada 22 Sept lepas.

Mohd Adnan berkata Dr Mahathir membuat kenyataan itu atas perlindungan bersyarat berhubung orang yang merupakan bekas timbalannya dalam Kabinet dan dalam Umno.

Mohd Adnan berhujah yang Dr Mahathir mempunyai tanggungjawab moral dan sosial kepada negara untuk membuat kenyataan itu memandangkan jawatannya dan tekanan terhadap beliau untuk menyatakan secara terbuka perkara-perkara berkaitan bekas timbalannya yang dilucutkan jawatan pada 2 Sept lepas kerana tuduhan salahlaku seks.

Mohd Adnan berkata, Dr Mahathir memberitahu pemberita yang dakwaan salah laku seks itu diterima oleh beliau daripada polis berhubung prosiding jenayah terhadap bekas penulis ucapan Anwar, Dr Munawar Ahmad Anees dan adik angkat (Anwar) Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Beliau berkata, maklumat itu disahkan lagi oleh prosiding jenayah terhadap Dr Munawar dan Sukma yang berlangsung dua hari sebelum persidangan berita itu dan pensabitan mereka menunjukkan dengan jelas pembabitan Anwar dalam "perbuatan memalukan".

Sukma dan Munawar dijatuhkan hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen pada 19 Sept lalu selepas mengaku bersalah membenarkan Anwar meliwat mereka.

Menurut Mohd Adnan lagi, tuduhan yang dibuat oleh Anwar yang Dr Mahathir membuat kenyataan itu dengan niat jahat adalah tidak benar sama sekali memandangkan tuduhan itu tidak berkaitan dengan prosiding terhadap dua orang itu.

Mohd Adnan berkata, maklumat berkaitan prosiding jenayah telah menjadi pengetahuan umum sebelum 22 Sept lepas dan ia diberi publisiti meluas oleh media sebelum persidangan berita itu.

Beliau berkata, Dr Mahathir mempunyai pertahanan yang jelas yang merupakan pertahanan multak bagi defenden dalam saman fitnah.

Sementara itu, peguam Karpal Singh yang mewakili Anwar meminta mahkamah menolak permohonan Dr Mahathir untuk membatalkan saman fitnah itu kerana alasan beliau tidak boleh diterima.

Beliau berkata, kenyataan Dr Mahathir telah ditokok tambah dan telah melampaui fakta prosiding jenayah serta pensabitan Munawar dan Sukma.

Menurut Karpal Singh lagi, sebarang pensabitan atau fakta berhubung pensabitan itu mesti dikaitkan dengan kata-kata yang dipersoalkan dan bukan melampauinya.

Karpal Singh juga berkata, kata-kata yang dipersoalkan yang dituturkan oleh Dr Mahathir di persidangan berita itu tidak berkaitan dengan prosiding

jenayah terhadap Sukma dalam apa cara pun dan ia hanya merujuk kepada Munawar sahaja.

Beliau berkata, pembelaan bagi perlindungan bersyarat seperti yang diminta oleh Perdana Menteri, mesti ada keterangan untuk menunjukkan adanya bona fide dan tiadanya niat jahat.

Hakim Datuk Dr R.K. Nathan akan memberikan keputusannya pada 30 Ogos.

Turut mewakili Perdana Menteri ialah Cecil Abraham dan N. Chandran.

Anwar sedang menjalani hukuman penjara enam tahun selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi atas empat tuduhan rasuah pada 14 April lepas.

Beliau kini dibicarakan bersama Sukma kerana tuduhan meliwat.

-- BERNAMA

JA AU PR